

**KEPELBAGAIAN DAN KESATUAN DALAM KONTEKS *FIQH AL-TA'ĀYUSH* DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM**

DIVERSITY AND UNITY IN *FIQH AL-TA'ĀYUSH* CONTEXT IN MALAYSIA ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVES

*Khadijah Mohd Khambali @ Hambali*

Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: [ijamh@um.edu.my](mailto:ijamh@um.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no1.3>

**Abstract**

Diversity is *sunnatullāh* as reflected in surah al-Hujurat 49, verse 13. However, diversity also triggers different ideologies that cause problems especially in relation to the religious community. As such, diversity and unity is one of the point of questions that requires particular attention in the context of Malaysia's own diverse ethnicity and racial beliefs community. The question of diversity and unity is not a straight forward matter as it relates to all aspects of life as a medium in the relationship of religious community in the context of *fiqh al-ta'āyush* (co-existence). There are many issues that affects the Muslims and non-Muslims inferior feelings. This paper emphasized on the concept of diversity in the context of *ta'āmul* (interaction) that bases on *ta'āruḥ* (knowing each other), *tasāmuḥ* (tolerance) *ta'āwun* (helping each other), *takāful* (sacrifice) and *maḥabbah* (loving and caring); which are based on *fiqh al-ta'āyush*. In conclusion, this writing found that diversity embodied the relationship of religious community towards unity and better understanding of the religious philosophical aspect to build *al-ta'āyush*

among adherents and thus create a harmonic religious life.

Keywords: Diversity; unity; *Fiqh al-Ta'āyush*; harmonic religious life.

### **Khulasah**

Kepelbagaian merupakan *sunnatullāh* sebagaimana yang dilantunkan dalam surah al-Hujurat 49, ayat 13. Namun, kepelbagaian turut mencetuskan pelbagai tanggapan berbeza sehingga menimbulkan permasalahan khususnya dalam hubungan antara umat beragama. Justeru, konsep kepelbagaian dan kesatuan merupakan antara topik yang memerlukan perincian khususnya dalam konteks Malaysia yang didiami komuniti dengan keanekaan etnik dan keyakinan anutan. Persoalan kepelbagaian dan kesatuan bukanlah perihal yang mudah kerana ia berkaitan dengan segala aspek kehidupan sebagai wadah dalam hubungan antara umat beragama dalam konteks *fiqh al-ta'āyush (co-existence)* di negara ini. Terdapat banyak isu yang menyentuh sensitiviti beragama umat Muslim dan perasaan *inferior* non-Muslim. Untuk itu, penulisan ini merincikan konsep kepelbagaian dan kesejajaran teras *ta'āmul* (interaksi) yang berpaksikan *ta'āruf, tasāmuh, ta'āwun, takāful* dan *maḥabbah* yang melandasi *fiqh al-ta'āyush*. Tuntasnya, penulisan ini mendapati bahawa kepelbagaian ini mewarnai hubungan antara umat beragama ke arah kesatuan dan lebih memahami tuntutan dan kehendak falsafah agama bagi membina *ta'āyush* dalam kalangan para penganut dan sekaligus mewujudkan keharmonian hidup beragama.

Kata kunci: Kepelbagaian; kesatuan; *Fiqh al-Ta'āyush*; keharmonian hidup beragama.

### **Pendahuluan**

Dunia amnya dan Malaysia khususnya didiami oleh pelbagai kehidupan yang hidup secara natural sama ada dalam kalangan manusia dan makhluk selain manusia dengan diwarnai kepelbagaian pilihan. Ia dirujuk kepada

pelbagai hidupan haiwan, unggas, tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna, terumbu karang dan sebagainya. Malaysia antara 17 negara mega-kepelbagaian (biodiversiti) dunia berdasarkan kepada bilangan spesies kehidupan yang wujud di negara ini sejajar dengan kedudukan geografinya yang unik. Negara-negara lain di hadapan Malaysia ialah Australia, Brazil, China, Colombia, Republik Demokratik Congo, Ecuador, India, Indonesia dan Madagascar. Kepelbagaian biologi yang tinggi di negara berkaitan adalah kerana habitat semulajadi yang dilindungi, aktiviti pemuliharaan yang sistematik dan kajian saintifik tentang flora dan fauna.<sup>1</sup>

Malaysia juga melindungi habitat semulajadi dengan mengadakan undang-undang yang mantap dan bersepadu serta mendapat pengiktirafan antarabangsa. Dasar kerajaan Malaysia tentang kepelbagaian biodiversiti memastikan kepelbagaian biologi dijaga, mapan dan memberikan faedah kepada negara.<sup>2</sup>

Selain daripada itu, bukan sahaja negara kaya dengan keanekaan spesis hidupan biodiversiti, Malaysia juga kaya dengan kepelbagaian etnik, anutan kepercayaan, bahasa, dialek dan budaya. Ini bertepatan dengan ayat al-Qur'an dalam surah al-Hujurat, 49: ayat 13 yang bermaksud: 'Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu sekaliannya dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa, bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal'.

Kepelbagaian yang natural dalam kalangan hidupan bukan manusia dan juga manusia ini turut mendorong

---

<sup>1</sup> Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar, *Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar, Malaysia, 1998), 9.

<sup>2</sup> *Ibid.*

kepada kepelbagaian pilihan. Lebih khusus menyerlah dalam kalangan manusia atas faktor mereka memiliki akal fikiran dan juga dorongan nafsu. Ini memperlihatkan bahawa kepelbagaian dalam kumpulan manusia lebih kompleks. Justeru, penulisan ini merenami konsep kepelbagaian daripada perspektif pemikiran Islam agar perihal ini dapat dirincikan dengan ilmiah.

### **Konsep Kepelbagaian Dalam Kalangan Manusia**

Aspek kepelbagaian manusia disebut oleh Allah SWT surah al-Ma'idah, ayat 48:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ  
فِي مَآءَاتِكُمْ ۗ فَاَسْتَبِقُوا الْحَيْرَاتِ

Terjemahan: Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan.

Ayat di atas menjelaskan bahawa sekiranya Allah kehendaki, nescaya diciptakan manusia ini satu umat sahaja. Dalam erti kata lain, apabila manusia dijadikan Allah hanya sebagai satu umat, bermaksud satu bahasa, serta ciri, fizikal dan corak pemikiran yang sama. Bahkan boleh bermaksud hanya satu gender sahaja dalam keadaan satu zaman, satu generasi dan satu waktu.

Namun sebaliknya Allah menguji hambaNya melalui kurniaan Allah untuk melihat keikhlasan manusia terhadap hikmah dan ilmuNya. Tegasnya Allah ingin menguji kepelbagaian keupayaan, keinginan dan kebijaksanaan manusia berlumba-lumba berbuat kebaikan dan bukannya kerosakan atau permusuhan.<sup>3</sup> Kepelbagaian ciptaan Allah ini adalah dorongan kepada manusia meningkatkan kualiti

---

<sup>3</sup> Abdullah Yusuf Ali, *The Holy Qur'an Text, Translation and Commentary* (USA: Amman Corporation 1983), 1407.

diri agar dapat melaksanakan kebaikan dalam kalangan ummah seterusnya membina peradaban dan pembangunan alam sejajar dengan amanah manusia sebagai khalifah Allah. Untuk menyempurnakan amanah, wajar interaksi dan ukhuwwah terjalin padu antara umat manusia. Ini membawa kepada proses kenal mengenal dalam kalangan manusia sepertimana yang diungkapkan dalam surah al-Hujurat 49: ayat 13.

Kenal mengenal merupakan proses dan tindakan mengenal, mengecam, mengetahui, mengingat, memahami, dan mendalami perihal diri seseorang. Pengertian ini bersesuaian dengan definisi yang diungkapkan dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*,<sup>4</sup> *Kamus Melayu Global*<sup>5</sup> dan *Lisān al-‘Arab*;<sup>6</sup> bahawa istilah kenal, berkenalan, mengenali, memperkenalkan adalah berkait dengan pengecaman wajah dan memahami seseorang.<sup>7</sup>

Ini bererti kenal mengenal itu bukan hanya terbatas kepada mengecam perihal luaran seseorang tetapi juga memahaminya yang merujuk kepada aspek dalaman personaliti seseorang. Ia bertepatan sebagai satu mekanisma utama dalam mewujudkan hubungan antara umat manusia dan umat beragama. Ini kerana, proses dan tindakan kenal mengenal ini tidak terbatas kepada personaliti semata bahkan aspek kehidupan yang berbeza antara individu dengan individu lain. Ia seterusnya

---

<sup>4</sup> Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), h. 538-539.

<sup>5</sup> Hasan Hamzah (penyusun), *Kamus Melayu Global*, (Kuala Lumpur: Piramid Pedoman Malaysia Sdn. Bhd. 1996), 599-600.

<sup>6</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Vol. II (Mesir: al-Maktabah al-Misriyyah, 1986), entri ‘arafa.

<sup>7</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Budaya ‘Kenal mengenali’ Dalam Pembinaan Ummah Sejagat”, dalam *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, ed. Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, Che Zarrina Sa’ari (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 261.

membentuk jalinan dan interaksi yang melahirkan pemahaman terhadap sosiobudaya, politik, ekonomi, pendidikan sesebuah bangsa dan negara.<sup>8</sup>

Ia turut melantunkan kepelbagaian keupayaan, cita-cita, hasrat, keinginan serta kerjaya yang didorong terus agar berlumba-lumba melakukan kebaikan dan bukannya merosakkan dengan bermusuhan.<sup>9</sup> Ini membuktikan bahawa kepelbagaian itu adalah dorongan untuk setiap insan saling berkenalan dan seterusnya berlumba-lumba melakukan kebajikan dan kebaikan. Ini amat selaras dengan firman Allah dalam surah al-Ma’idah tersebut yang tegas memperlihatkan bahawa Allah menguji dan menduga keintelektualan manusia hidup dalam kepelbagaian untuk terus melakukan amal kebaikan. Ia adalah cabaran yang besar sebenarnya.

Setiap individu perlu berhadapan dengan kepelbagaian manusia yang bermacam ragam, bangsa, etnik, budaya, corak hidup, pemikiran, bahasa dan pelbagai lagi. Cabaran hidup secara harmoni dalam kepelbagaian ini adalah ujian keintelektualan manusia. Justeru, kesatuan kemanusiaan amat penting dicerakinkan agar keharmonian dapat dilestarikan.

### **Kesatuan Kemanusiaan**

Abdullah Yusuf Ali mengungkapkannya bahawa keseluruhan penciptaan manusia berpunca daripada pasangan Adam dan Hawa. Ini selaras dengan ayat 1 surah al-Nisa’:

---

<sup>8</sup> Khadijah, “Budaya ‘Kenal mengenali’ Dalam Pembinaan Ummah Sejagat”, 262.

<sup>9</sup> Mohd Sani Badron, “Kepelbagaian Dalam Kerangka Kesatuan dan Wasatiyyah Islam”, dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 37.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Terjemahan: Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.

Ayat di atas tidak hanya tertumpu kepada persaudaraan sesama Muslim tetapi turut meliputi seluruh umat manusia. Menurut perspektif Islam, silaturrahim sesama manusia adalah satu idea besar yang berasal daripada wahyu Allah dalam al-Qur'an. Semua manusia berasal dari diri yang satu (*nafs wāḥidah*) - satu fakta yang ditekankan bukan hanya sekali tetapi berkali-kali menerusi beberapa surah al-Nisa', 4: 1; al-An'am, 6: 98; al-A'raf, 7: 189; dan al-Zumar, 39: 6.

Justeru bagi Muslim, seseorang yang bukan Muslim adalah saudaranya yang berasal daripada diri yang satu, yang berasal daripada tanah (*ṭīn*); sementara seseorang yang beriman pula adalah saudara dalam agama (*dīn*) dan iman. 'Persaudaraan agama' khusus sesama Muslim (lihat al-Hujurat, 49:10) diperluaskan kepada 'persaudaraan

biologikal' umum sesama manusia.<sup>10</sup> Sehubungan itu, kita semua adalah satu 'umat'; hanya ada yang dipanggil *ummat al-ijābah* atau *ummat al-istijābah* dan ada pula yang dipanggil, *ummat al-da'wah*.

Umat yang pertama khusus merujuk kepada umat Muslim yang sedia menyahut seruan Rasulullah SAW, sementara yang kedua pula adalah umat Baginda SAW secara amnya, termasuk bukan Muslim yang sedang diseru, namun belum menyahut seruan tersebut. Allah memberi peluang kepada mereka, sama ada hendak menerima ataupun menolak seruan Islam, dan peluang tersebut dibuka sepanjang hayat mereka.<sup>11</sup>

Ungkapan ayat al-Qur'an berkali-kali menegaskan berhubung hubungan silaturrahim sesama manusia dan bahawa seluruh umat manusia berasal daripada pasangan yang sama iaitu Adam dan Hawa.<sup>12</sup> Ini membawa maksud bahawa dalam hubungan sesama manusia, adalah menjadi satu kewajiban kepada setiap insan untuk bersikap berbelas kasihan dan berkasih sayang (*shafaqah wa rahmah*) dan turut meliputi akhlak mulia seperti bersikap saling maaf-memaafkan kelemahan manusiawi, sentiasa berjiwa besar, berfikiran luas, berlapang dada, berkasih-sayang dalam erti kata cenderung dan sukakan kebaikan dan manfaat untuk turut diperolehi oleh individu lain.<sup>13</sup>

Pertebaran umat manusia ini membentuk pelbagai etnik, bahasa, agama anutan, kepercayaan, sosiobudaya, pemikiran, corak kehidupan, negara, warganegara dan sebagainya yang berkaitan dengan kelangsungan hidup manusia dan sekaligus merupakan ciri utama yang

---

<sup>10</sup> Lihat umpamanya Ibn al-'Arabī (m. 638H/1240), *al-Futūḥāt al-Makkiyyah fī Ma'rifat al-Asrār al-Mālikiyyah wa al-Mulkiyyah*, (Beirut: Dār Ṣādir, 1911), 3: 381.

<sup>11</sup> Al-Tahānawī (m. 1158H), *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 1: 123, yang memetik kitab *Sharḥ al-Mishkāṭ*.

<sup>12</sup> Abdullah Yusuf Ali, *The Holy Qur'an Text*, note 4933.

<sup>13</sup> Mohd Sani, "Kepelbagaian Dalam Kerangka Kesatuan", 39.

membezakan karekter dan perlakuan tindakan individu dengan individu yang lain sekalipun asasnya berasal dari pasangan Adam dan Hawa.<sup>14</sup>

Justeru, perbezaan etnik, sosiobudaya, anutan kepercayaan dan sebagainya itu merupakan elemen utama yang perlu dikenal dan difahami dalam usaha menjalinkan hubungan antara umat manusia yang membuahkan jalinan persahabatan. Ia tidak terbatas hanya sesama umat manusia seagama dan seakidah tetapi lebih luas lagi antara umat beragama. Jalinan interaksi ini amat penting dalam mewujudkan kesatuan kemanusiaan dan perpaduan sejagat.

Interaksi antara penganut agama ini adalah selaras dengan sifat dan ciri agama Islam. Ini kerana, Islam bukan agama yang mengajar umatnya untuk memencilkan diri serta memisahkan diri dari tradisi keagamaan lain hanya kerana berlainan agama dan budaya. Bahkan, banyak warisan bersama Islam dan peradaban-peradaban lain dari aspek ilmu pengetahuan dan sains, teknologi, gagasan ilmiah, dan kaedah dan metode akademik. Aspek ini dibangunkan melalui interaksi dan kerjasama ke arah yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat dunia, Islam dan bukan Islam.<sup>15</sup>

### **Teras *Ta'āmul* (Interaksi)**

Ruang lingkup kehidupan bersama keanekaan etnik, warna kulit, anutan keyakinan, budaya, pemikiran dan fahaman boleh menjadi cabaran utama untuk mewujudkan keharmonian hidup bersama (*peaceful co-existence*). Realitinya, sentimen keagamaan mudah dibakar dan sukar dipadam. Isu-isu agama perlu diurus dengan matang dan fikiran yang waras kerana konflik agama mempunyai

---

<sup>14</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Budaya 'Kenal mengenali' Dalam Pembinaan Ummah Sejagat", 263.

<sup>15</sup> Sila rujuk Salim T. S. al-Hassani et al., *1001 Inventions: Muslim Heritage in Our World*, (Manchester: Foundation for Science, Technology and Civilisation, 2007).

potensi yang paling tinggi untuk mempengaruhi kestabilan perpaduan negara. Perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang terdiri daripada beraneka agama dan etnik banyak bergantung kepada pemikiran, pendirian dan sikap penganut terhadap isu yang melibatkan hubungan antara agama.

Mewujudkan suasana hubungan harmoni dalam masyarakat berbilang etnik dan agama di Malaysia bukanlah perkara yang mudah untuk dicapai. Ia bukan sahaja bergantung kepada faktor makro seperti perubahan politik, ekonomi, sosial serta peristiwa dalam sejarah masyarakat, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor mikro yang beroperasi di peringkat interaksi harian. Faktor mikro ini lahir menerusi pelbagai bentuk amalan seperti budaya, penggunaan bahasa dan agama. Apatah lagi terdapat perbezaan antara komposisi penduduk pelbagai etnik dan agama anutan di setiap negeri di Malaysia yang turut mempengaruhi interaksi dalam kalangan masyarakat beraneka etnik yang disifatkan lebih beranekaragam, dengan isu-isu agama dan etnik yang lebih kompleks serta rumit untuk difahami. Keadaan ini memerlukan kepada platform yang kukuh untuk memastikan interaksi dan komunikasi antara etnik berjalan dengan baik dan saling menghormati.

Justeru sumbangan nilai-nilai agama amat diperlukan dalam melestarikan jalinan keharmonian dalam hubungan umat beragama khususnya di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat plural etnik dan kepercayaan. Menyedari perihal tersebut, sumbangan nilai pragmatis tauhid merupakan konsep tertinggi yang mendasari *ta'āmul* (interaksi) yang berasaskan *ta'āruf*, *tafāhum*, *tasāmuḥ*, *ta'āwun*, *takāful* dan *maḥabbah* dalam kalangan umat beragama. Konsep inilah yang membezakan maksud *ta'āmul* dan *tasāmuḥ* dalam kalangan Muslim-non-Muslim sepertimana yang diungkapkan oleh Ismail Raji

al-Faruqi bahwa tauhid adalah pengakuan hanya Allah SWT adalah Tuhan semesta alam.

Ini bererti bahwa Allah SWT adalah sumber hakiki semua kebaikan dan nilai. Ia membawa maksud bahawa apa yang kita ketahui dengan indra adalah benar sifatnya, melainkan indra kita jelas cacat atau sakit. Dengan erti kata yang lain; apa yang kelihatan selaras dengan akal yang sihat adalah benar kecuali jika terbukti sebaliknya. Tauhid menggariskan optimisme dalam bidang epistemologi dan etika. Inilah yang dirujuk sebagai *ta'āyush* sebenar.<sup>16</sup>

Tauhid merupakan tunjang akidah Islam yang solid.<sup>17</sup> Ia merupakan pandangan umum tentang realiti, kebenaran, dunia, ruang dan waktu, sejarah manusia dan qada' dan qadar.<sup>18</sup> Jelas bahawa esensi peradaban Islam adalah Islam dan esensi Islam adalah tauhid atau pengesahan keyakinan terhadap Allah yang Maha Esa.<sup>19</sup> Prinsip metodologi dalam esensi tauhid, *ta'āmul*, *tasāmuḥ*, *takāful*, *ta'āyush* dan *maḥabbah* adalah keyakinan bahawa Tuhan tidak meninggalkan suatu umat atau bangsa tanpa mengutuskan kepada masyarakat seorang utusan daripada kalangan mereka untuk mengajarkan bahawa tidak ada Tuhan kecuali Allah SWT dan bahawa mereka wajib menyembah dan mengabdikan hanya kepadaNya.<sup>20</sup> Jua untuk memperingatkan manusia terhadap kejahatan dan penyebab-penyebabnya. Dalam hal ini, *tasāmuḥ* adalah kepastian bahawa semua manusia telah dikurniakan dengan suatu *sensus communis* (naluri keberagamaan) yang memungkinkan mereka untuk mengetahui agama

---

<sup>16</sup> Ismail Raji al-Faruqi, *al-Tawhid, Its Implications for Thought and Life* (Herndon: The International Institute of Islamic Thought, 1988), 27.

<sup>17</sup> Vergilius Ferm, *An Encyclopedia of Religion* (New York: The Philosophical Library, 1945), 762.

<sup>18</sup> Al-Faruqi, *al-Tawhid*, 9.

<sup>19</sup> *Ibid.*, 16.

<sup>20</sup> *Ibid.*, 48-49.

yang benar dan mengenali kehendak Tuhan dan perintahNya.

Ismail Raji al-Faruqi menegaskan bahawa konsep tauhid adalah landasan metodologi dalam Islam. Prinsip metodologi tauhid terdiri dari tiga prinsip.<sup>21</sup> Pertama, penolakan terhadap segala sesuatu yang tidak berkaitan dengan realiti. Ia memberi maksud bahawa prinsip ini membuka segala sesuatu dalam agama untuk diselidiki dan dikritik. Namun, apabila hasil penyelidikan itu menyimpang daripada realiti, maka penyimpangan itu cukup untuk membatalkan kritikan tersebut.

Kedua, penolakan kontradiksi hakiki. Prinsip ini merupakan esensi dari prinsip pertama. Kontradiksi (pertentangan) antara wahyu dan akal misalnya, jika hal ini berlaku; maka Islam tidak membiarkannya begitu sahaja. Sebaliknya, Islam telah memberikan petunjuk melalui al-Qur'an dan Hadith untuk menyelesaikan pertentangan tersebut. Ketiga, keterbukaan bagi bukti yang baru dan/atau yang bertentangan. Prinsip ini bermaksud untuk menjadikan tauhid sebagai bukti kebenaran iaitu keterbukaan terhadap bukti baru dan/atau yang bertentangan untuk melindungi umat Muslim daripada anasir yang bertentangan dengan akidah tauhid.

Sehubungan itu, tunjang tauhid adalah asas dalam merealisasikan kehidupan *ta'āyush* yang dirujuk kepada teras *al-ta'āmul* (interaksi). Penulisan ini mendapati bahawa tiga rukun asas interaksi yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna<sup>22</sup> dalam permulaan sesebuah usrah atau *halaqah*, iaitu *ta'āruf*,<sup>23</sup> *tafāhum*,<sup>24</sup> dan *takāful*<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, 46-47.

<sup>22</sup> Mushin bin Husein, *Membentuk Jama'atul Muslimin* (Jakarta: Gema Insani Press, 1991), 283.

<sup>23</sup> *Ta'āruf* bermaksud berkenal-kenalan yang berasal daripada kalimah *'arafa* yang bererti tahu akan sesuatu. Muhammad Idris al-Marbawi, "*Ta'āruf*," dalam *Qāmus Idrīs al-Marbāwi*, ed. Abdullah al-Qari' (Kuala Lumpur: Dar al-Nukman, 1998), 3:16.

merupakan satu proses interaksi yang penting untuk melatih peribadi ke arah pembentukan akhlak yang mulia dan perhubungan yang kukuh dan harmoni di antara masyarakat terutamanya dalam kalangan masyarakat Muslim.

Terdapat juga sebahagian pendapat yang menyatakan bahawa *ta'āwun*<sup>26</sup> merupakan salah satu peringkat yang termasuk dalam proses interaksi ini selain daripada tiga peringkat tersebut yang bermula daripada peringkat *ta'āruf*, dan diikuti oleh peringkat seterusnya iaitu *tafāhum*, *ta'āwun* dan *takāful*.<sup>27</sup>

*Ta'āruf* ataupun diertikan sebagai pengenalan merupakan dasar yang penting dalam setiap proses interaksi untuk individu manusia saling mengenal antara satu sama lain sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Ia adalah proses awal untuk membawa ke arah langkah selanjutnya dalam interaksi. Bukan sekadar mengenali nama dan mengecam wajah bahkan lebih luas sebagaimana yang dibahaskan di atas. Galakan kepada perkara ini jelas disebut menerusi firman Allah S.W.T:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

<sup>24</sup> *Tafāhum* bermakna saling memahami yang berasal daripada kata kerja *fahima* bermaksud faham. Al-Marbawi, "*Tafāhum*," dalam *Qāmus Idrīs al-Marbāwi*, 104.

<sup>25</sup> *Takāful* sinonim dengan kalimah *damān* yang bermaksud perlindungan. Berasal dari istilah *takāfala* bermaksud bersepakat. Lihat Al-Ma'any, entri: "*takāfala*" dicapai 19 Julai 2018, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>.

<sup>26</sup> *Ta'āwun* bermaksud kerjasama. Mohd Puzhi Usop et al., *Kamus al-Farid* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), 67.

<sup>27</sup> Hamidah, "*Al-Ukhuwah wa al-Ijtimā'iyah wa al-Insāniyyah*," *Kajian Terhadap Pluralisme Agama dan Kerjasama Kemanusiaan*, *Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*, 21(2) (2015), 331. Lihat juga, 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Fiqh al-Ukhuwwah fi al-Islām* (t.tp: Dār al-Tawzī' wa al-Naṣr al-Islāmiyyah, 1993), 26.

Terjemahan: Wahai manusia! Sesungguhnya, kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, Maha Teliti.

Al-Hujurat 49:13

Merujuk pada tafsir Ibn Kathīr, ayat ini menjelaskan bahawa setiap manusia tidak mengira bangsa dan keturunan diciptakan kesemuanya daripada keturunan yang sama iaitu Adam dan Hawwa.<sup>28</sup> Oleh itu, tiada apa yang membezakan manusia di sisi Allah kecuali agama dan ketaatan mereka kepadaNya. Justeru, kepelbagaian yang dicipta dari sudut bangsa dan etnik adalah untuk saling mengenal dan membina perhubungan antara satu sama lain. Tidak dapat dinafikan bahawa keanekaan budaya, bangsa dan pemahaman memberi cabaran dalam mencapai kesepakatan dan perpaduan dalam masyarakat.<sup>29</sup> Namun begitu, dengan adanya dasar yang kukuh menerusi nilai-nilai agama mampu mewujudkan interaksi yang harmoni antara kaum.

Untuk mencapai perpaduan kemanusiaan, pastinyalah kenal mengenal itu titik tolak kepada jalinan persahabatan dan ukhuwwah. Ini kerana proses tersebut bukan hanya terbatas kepada mengenali wajah dan diri seseorang.

---

<sup>28</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm lil Imāmī al-Khālīl al- Hāfīz ‘Imād al-Dīn Abi al-Fidā’ Ismā‘īl al-Dīmshiqī* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 2001), 50:33.

<sup>29</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Panduan Dialog Antara Agama Dalam Disiplin Ilmu Perbandingan Agama Di Malaysia Menurut Konteks *Fiqh Al-Ta’āyusy*”, dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 62.

Bahkan lebih luas lagi sehingga kepada mengetahui latar belakang sosio budaya, politik, ekonomi, pendidikan seseorang dan sekaligus sesuatu etnik.<sup>30</sup>

Jalinan persahabatan antara seseorang individu dan lebih jauh lagi masyarakat sesebuah komuniti, negeri bahkan negara hasil dari proses kenal mengenal ini merupakan titik tolak ke arah melahirkan sikap saling menghormati, mempercayai, menyayangi (*maḥabbah*) dan turut mencetuskan sikap ber-*ta'āmul* dan ber-*tasāmuḥ*. Bahkan jalinan seumpama ini turut dilaksanakan dengan merentasi halangan lingusitik dan sosiobudaya. Jalinan yang kukuh seterusnya memungkinkan pembentukan ummah yang bersatu padu dan hidup harmoni dan sekaligus ukhuwwah terjalin erat. Proses *ta'āruf* yang dilaksanakan mampu membuka hati seseorang kepada tahap yang selanjutnya iaitu *tafāhum*.

Perkenalan mendorong manusia kepada sikap keterbukaan dan penerimaan dalam memahami keunikan setiap individu.<sup>31</sup> *Tafāhum* diertikan sebagai saling memahami dan merupakan peringkat lanjutan daripada hanya sekadar mengenal, kepada memahami bagaimana hendak mendekati seseorang itu.<sup>32</sup> *Tafāhum* juga membawa maksud pemahaman yang mendalam sehingga menimbulkan rasa selesa dalam pergaulan dan mudah untuk didekati.<sup>33</sup> Hubungan yang berada pada tahap ini bukan sahaja berupaya mencapai persefahaman dan hubungan baik antara komuniti, bahkan mengelakkan sebarang perselisihan dan pergaduhan.<sup>34</sup> Hal ini akan

---

<sup>30</sup> Khadijah, “Budaya ‘Kenal mengenali’ Dalam Pembinaan Ummah Sejagat”, 262.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 16.

<sup>32</sup> Nur Ervannudin dan Jiyanto, “Education: *Ta'aruf*, *Tafahum* and *Takaful* To Child”, (makalah, International Conference on Child-Friendly Education, (Universitas Muhammadiyah Surakarta, 5 November 2016), 460.

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Khadijah, “Panduan Dialog Antara Agama”, 72.

mudah bagi mereka untuk bersikap *ta'āwun* iaitu saling membantu.

Peringkat seterusnya iaitu *ta'āwun* yang memberi maksud bantu-membantu dalam melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Kesan daripada sikap ini, golongan yang lemah akan menjadi semakin kuat dan yang kuat akan menjadi semakin kukuh. Proses *ta'āwun* ini akhirnya akan mempengaruhi seseorang itu kepada kemuncak proses interaksi yang disebut sebagai *takāful* iaitu saling menanggung beban antara satu sama lain tanpa mengambil peduli akan kepentingan diri sendiri. Sikap *takāful* diumpamakan Nabi Muhammad S.A.W menerusi sabda baginda<sup>35</sup>:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ،  
مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى سَائِرُ  
الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Terjemahan: Perumpamaan kaum Mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi, seumpama tubuh, jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam.

*Takāful* merupakan peringkat ukhuwah yang paling tinggi kerana pada tahap ini wujud perasaan saling menyayangi. Bahkan, keperitan dan kesedihan orang lain turut dirasakan sehingga sampai pada tahap mementingkan saudaranya terlebih dahulu berbanding menjaga kepentingan diri.<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Bir wa al-Silāh wa al-Adab, Bab Tarāhum al-Mu'minīn wa Ta'āwufuhum wa Ta'āduduhum, no. hadith 6586. Lihat Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālīh bin 'Abd al-'Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1130.

<sup>36</sup> Hamidah, “*al-Ukhuwah wa al-Ijtimā'iyah*,” 331.

Selain daripada empat rukun ini, terdapat juga pendapat lain mengenai peringkat interaksi atau konsep interaksi yang telah turut diperkenalkan menurut perspektif Islam. Konsep-konsep ini bukan sahaja tertumpu pada ruang lingkup halatuju kehidupan *berta’āyush*, bahkan juga meliputi keseluruhan aspek sosial dan integrasi sosial.

Menurut ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd,<sup>37</sup> terdapat enam tahap interaksi untuk mencapai ukhuwah Islamiah yang kukuh iaitu; *ta’āruf*, *ta’āluf*,<sup>38</sup> *tafāhum*, *ri’āyah*,<sup>39</sup> *ta’āwun* dan *tanāsur*.<sup>40</sup> Manakala, bagi pengkaji-pengkaji kontemporari, pandangan mengenai konsep interaksi telah diperbincangkan dari sudut yang lebih luas, seperti pengenalan *fiqh al-ta’āyush*<sup>41</sup> dalam merealisasikan hubungan baik antara penganut agama dan masyarakat berbilang bangsa.

### ***Fiqh al-Ta’āyush***

*Fiqh al-Ta’āyush* atau fiqh kewujudan bersama dalam kepelbagaian yang juga dirujuk sebagai *co-existence* merupakan terma yang telah wujud dalam hubungan sosial masyarakat Muslim khususnya zaman Rasul SAW, para

---

<sup>37</sup> ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Fiqh al-Ukhuwwah fi al-Islām*, 30-40.

<sup>38</sup> *Ta’āluf* bermaksud kesatuan di antara seseorang dengan orang lain. Berasal daripada istilah *taālafa* yang bererti berkumpul. ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Fiqh al-Ukhuwwah fi al-Islām*, 32. Lihat juga Al-Ma’any, entri: *taāfala*, dicapai 19 Julai 2019, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>.

<sup>39</sup> *Ri’āyah* bermaksud ambil, jaga dan ingatan. Berasal dari istilah *ra’ā* yang bererti mengembala atau memelihara. Al-Marbawi, entri *ri’āyah*, *Qāmus Idrīs al-Marbāwi*, 240.

<sup>40</sup> *Tanāsur* bermaksud saling tolong menolong, berasal daripada kata kerja *našara* yang membawa makna membantu. Sinonim dengan kalimah *ta’āwun*. *Ibid.*, entri: *tafāhum*, 321.

<sup>41</sup> *Ta’āyush* bermaksud berkasih sayang, dan dasar hidup secara aman. Berasal dari kata kerja *āsya* yang membawa makna menjadi hidup. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 1644, entri: “*Āsya*”.

sahabat dan seterusnya zaman kegemilangan Umayyah dan Abassiyah.

Perkataan *ta'āyush* membawa makna yang lebih komprehensif berbanding dengan pengertian konsep interaksi, hubungan antara umat dan seumpamanya. *Ta'āyush* secara dasarnya bermaksud menjalani kehidupan yang harmoni walaupun berbeza agama dan bangsa.<sup>42</sup> Dari sudut pemahaman yang lebih teliti, *al-ta'āyush* ialah kehidupan bersama dalam satu komuniti yang disandari dengan semangat kasih sayang, tahap toleransi yang tinggi, menerima kepelbagaian, saling memahami, mempercayai dan melengkapi antara satu sama lain.<sup>43</sup>

*Fiqh al-ta'āyush* juga boleh diterjemahkan sebagai *co-existence*. Menurut Kamar Oniah, konsep ini bermaksud setiap komuniti mempunyai identiti tersendiri yang unik dan ciri-ciri yang berbeza dari segi agama, etnik, suku kaum, dan bahasa serta tinggal bersama dalam satu masyarakat atau negeri.<sup>44</sup> Beliau menjelaskan bahawa asas dalam melahirkan bangsa yang berjaya adalah melalui keharmonian dan kebahagiaan kehidupan bersama (*co-existence*).<sup>45</sup>

Sehubungan itu, *fiqh al-ta'āyush* amat penting dalam melandasi hubungan antara umat beragama. Islam menonjolkan bahawa setiap insan itu wajar disantuni atas nama kemanusiaan sekalipun berbeza latar belakang anutan dan etnik. Ini kerana setiap dari kita adalah

---

<sup>42</sup> Al-Ma`any, entri: *ta'āyusy*, dicapai 9 Januari 2019, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar>.

<sup>43</sup> Zulkefli bin Aini dan Wan Nurul Anis binti Wan Ismail, "Pengenalan Kepada Amalan Konsep *Fiqh al-Ta'āyusy*" dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 22.

<sup>44</sup> Kamar Oniah Kamaruzaman, *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibah Perspective* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2010), 27.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 17.

‘bersaudara’ kerana berasal dari susur jalur Nabi Adam a.s dan Hawwa.

Tuntasnya, interaksi dengan kepelbagaian dan pewujudan kesatuan ini bukan sahaja meliputi hubungan antara dua atau lebih individu namun membawa maksud yang lebih luas sehingga melibatkan pembinaan akhlak, sikap serta pemikiran. Walaubagaimanapun, menurut pandangan penulis, keutamaan akidah sebagai asas penyatuan antara masyarakat wajar diberi perhatian terutamanya dalam proses menyatupadukan masyarakat Muslim.<sup>46</sup> Sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur’an, sesebuah masyarakat itu akan menjadi sebaik-baik ummah apabila melaksanakan tiga perintah berikut;

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ  
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّمَّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ  
الْفَاسِقُونَ .

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

---

<sup>46</sup> Asyraf Wajdi Dusuki, “Ukhuwah Asas Penyatuan Umat,” laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 15 Disember 2019, <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/ukhuwah-asas-penyatuan-ummah-1.569272>.

Ali-'Imran 3: 110

Merujuk kepada ulasan Sayyid Qutb, ayat ini ditujukan kepada umat Islam terdahulu pada zaman Nabi Muhammad SAW serta umat Islam amnya dengan gelaran *khayr ummah* iaitu sebaik-baik umat yang merupakan satu gelaran mulia yang hanya dapat dicapai menerusi beberapa syarat sepertimana berikut:

- i. Menyebar luaskan kebaikan
- ii. Mencegah kemungkar
- iii. Beriman kepada Allah SWT

Melihat kepada susunan tiga perkara di atas, Sayyid Qutb menerangkan bahawa walaupun perihal berkenaan keimanan kepada Allah SWT berada pada susunan yang terakhir dalam konteks ayat ini, namun dari segi maknawinya, perkara ini merupakan tunjang dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Ini adalah kerana dengan mematuhi prinsip tauhid sepenuhnya, secara automatik kebaikan akan tersebar dan kemungkar juga akan dijauhi.

Buktinya, apabila melihat kembali sejarah zaman kegemilangan Islam pada zaman Rasulullah SAW, berpaksikan pada kekuatan akidah dan ketaqwaan kepada Allah dan Rasul, kaum Aus dan Khazraj akhirnya berjaya disatukan, persaudaraan Muhajirin dan Ansar (Aus dan Khazraj) juga menjadi begitu utuh sehingga sanggup mengetepikan harta dan kepentingan duniawi untuk menghidupkan nilai-nilai Islam.<sup>47</sup>

Justeru, dengan meletakkan akidah sebagai asas dalam melahirkan umat yang berkualiti dan cemerlang, konsep interaksi menurut perspektif *fiqh al-ta'āmul* dan

---

<sup>47</sup> Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1972), 1:447. Lihat juga Mohd. Shafiee bin Hamzah et al., "Penerapan Akidah dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Islam Negara dan Islam Hadhari," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9, (9 Januari 2015), 3.

gambaran interaksi bersandarkan pada pandangan ilmuwan Muslim yang telah diutarakan sebelum ini, sepertimana *ta'āruf*, *tafāhum*, *ta'āwun*, *takāful*, dalam kerangka *fiqh al-ta'āyush* hingga menatijahkan *mahabbah* jelas sekali dibentuk dengan memberi keutamaan pada nilai-nilai Islam dan akhlak Islamiah untuk diaplikasikan dalam masyarakat. Kesemua konsep ini memupuk dan mendorong individu untuk bersikap *tasāmuh*, kasih sayang, saling memahami, dan hormat-menghormati antara satu sama lain dan menjauhi segala kepentingan hawa nafsu demi menjana keharmonian dalam hubungan persaudaraan.

Sehubungan itu, kesemua konsep di atas merupakan teras yang sesuai dalam perbincangan berkaitan hubungan dan perpaduan ummah. Ini adalah kerana, teras tersebut menumpukan kepada ruang lingkup yang lebih spesifik dalam pembinaan personaliti diri, sikap dan pemikiran yang positif dan akhlak baik apabila berhadapan dengan pelbagai pihak. Sementelah lagi didokong pula dengan *fiqh al-ta'āyush* yang membawa maksud yang lebih universal dalam memberi fokus pada aspek-aspek sosial dan integrasi sosial dalam realiti kehidupan seharian masyarakat. Oleh itu, berpandukan wahyu yang menyatukan manusia, teras interaksi ini adalah medium dalam menjana keharmonian hubungan perpaduan dalam kalangan masyarakat Muslim dan non-Muslim yang beraneka etnik dan beragama kepercayaan.

### **Kesatuan dan Kemuliaan**

Islam melihat hubungan sesama Muslim lebih dari sekadar keturunan, sepertimana firman Allah SWT ketika menyatakan nikmat-nikmat yang dianugerahkannya kepada kaum Muslimin:<sup>48</sup>

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا  
نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ

<sup>48</sup> 'Abd al-Halīm, *Fiqh al-Ukhuwwah fī al-Islām*, 27.

فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ  
النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تَهْتَدُونَ.

Terjemahan: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.

Ali-'Imran 3:103

Ayat ini jelas menerangkan bahawa nikmat Islam telah menyatukan mereka sebagai individu yang bersaudara dalam agama. Hubungan persaudaraan se-Tauhid ini diangkat darjatnya lebih tinggi berbanding hubungan yang lain sepertimana firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Al-Hujurat 49:10

Al-Qurtubi menjelaskan dalam tafsirnya bahawa **إِنَّمَا** "bermaksud ukhuwah dalam agama dan kemurnian, bukannya merujuk pada ukhuwah dalam keturunan.<sup>49</sup> Dalam ayat ini dapat dilihat bahawa ukhuwah dan iman disebut seiringan, untuk menunjukkan kepentingan bagi masyarakat Islam bersatu sebagai satu umat bersaudara supaya dapat berpegang teguh pada suruhan Allah dan menguatkan keimanan mereka sehingga beroleh *taqwā*.<sup>50</sup> Hal ini diterangkan juga oleh Nabi Muhammad SAW melalui sabdanya:<sup>51</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ النَّقْوَى هَاهُنَا وَيُسِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ بِحَسَبِ امْرَأٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ، دَمُهُ، وَمَالُهُ، وَعَرِضُهُ.

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah, bersabda Rasulullah SAW: Jangan kalian saling mendengki, jangan *tanājashū* (menawarkan barang agar orang lain membeli dengan harga mahal), jangan saling membenci, saling memusuhi, dan jangan pula sebahagian kalian menjual di atas jual beli sebahagian yang lain. Hendaklah kalian menjadi hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang

<sup>49</sup> Abī `Abdillāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtūbī, *al-Jāmi` li Ahkām al-Qur`ān*, ed. `Abd Allāh ibn `Abd al-Ḥasan al-Tarkī (Kaherah: Dār al-Kutub al-`Arabī, 1967), 18: 65.

<sup>50</sup> `Abd al-Ḥalīm, *Fiqh al-Ukhuwwah fī al-Islām*, 28.

<sup>51</sup> Hadith riwayat Muslim dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adāb, Bab Tahrim Zulm al-Muslim wa ihtiqarīh wa dhammih, wa `irdih wa māliḥ, no hadith 2564, 4: 1986.

Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain, tidak menzalimi, tidak membiarkan (saat seseorang memerlukan pertolongan), dan tidak menghinanya. Taqwa ada di sini (seraya menunjuk ke dadanya tiga kali). Cukuplah bagi seseorang suatu keburukan bila dia menghina saudaranya seIslam. Setiap Muslim itu haram: darah, harta dan kehormatannya.

Kedua-dua ayat di dalam surah Ali-'Imran dan al-Hujurat serta petikan hadith yang telah diutarakan sebelum ini, jelas menunjukkan larangan Allah kepada kita daripada menyemarakkan pergaduhan dan permusuhan antara Muslim. Malah, hadith di atas juga mencegah masyarakat Muslim untuk bersifat mazmumah seperti menghina, menzalimi, mendengki dan menipu. Pesanan ini sejajar dengan pengertian teras interaksi (*ta'āmul*) iaitu *ta'āruf*, *tafāhum*, *ta'āwun*, *takāful* dan *maḥabbah* yang mendorong masyarakat Muslim untuk membina akhlak dan sikap yang baik.

Menelusuri kehidupan *ta'āyush* seperti yang telah dipraktikkan pada zaman Rasulullah SAW terutama pada era kerajaan Islam di Madinah, telah membuktikan bahawa penjagaan akhlak dan pegangan Islam yang kuat membawa kepada perpaduan, keharmonian dan kesefahaman dalam masyarakat Muslim.<sup>52</sup> Kepentingan elemen asas dalam *fiqh al-ta'āmul* seperti berbuat baik, tolong-menolong, berlaku adil, berkasih sayang yang ditekankan dalam Islam dapat dilihat menerusi peribadi Rasulullah SAW. Ia menunjukkan betapa Islam mementingkan keamanan, menerima kepelbagaian, dan menegakkan hak kemanusiaan. Masyarakat Muslim pada

---

<sup>52</sup> Enizahura Abdul Aziz, "Promoting Religious Interaction", laman sesawang *The Star*, dicapai 15 Disember 2019, <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/ikim-views/2019/12/15/promoting-religious-interaction-for-twoandahalf-decades-ikim-has-focused-on-creating-interreligious/>.

zaman itu dilatih untuk saling menghormati antara satu sama lain, berkasih sayang, menjaga hak minoriti, dan menerima dengan baik kepelbagaian agama, etnik, dan bangsa.

Enizahura menjelaskan bahawa dalam konteks mewujudkan kesefahaman dan hubungan baik antara masyarakat berbilang bangsa di Malaysia, konsep ini dianggap sejajar dengan tujuan perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian.<sup>53</sup> Walaupun perbincangan berkenaan *fiqh al-ta'āmul* masih lagi belum dibahas secara meluas oleh tokoh dan para ilmuwan, namun berdasarkan kepada penulisan oleh para pengkaji seperti 'Abd al-Azīz bin Fawzān al-Fawzān, 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, dan Mahmud Mohamad Babeli memberi pemahaman bahawa dasar *fiqh al-ta'āmul* secara literal bermaksud interaksi yang menggalakkan prinsip-prinsip keadilan, belas kasihan dan keamanan serta kepercayaan pada Allah SWT sebagai asas pegangan diri ketika berhadapan dengan perbezaan dan kepelbagaian dalam kalangan manusia. Oleh itu, konsep *fiqh al-ta'āmul* dilihat mampu menolak segala elemen yang bersifat ketidakperimusiaan, ketidakadilan dan sikap ekstrim terhadap sesuatu bangsa atau keturunan.

### **Kesimpulan**

Tuntasnya *ta'āruf*, *tafāhum*, *ta'āwun*, *takāful* dan *maḥabbah* adalah pendekatan yang sesuai bagi melakukan transformasi positif kepada masyarakat Muslim-non-Muslim Malaysia sejajar dengan konteks *fiqh al-ta'āyush*. Ia membuktikan bahawa landasan dan prinsip kerukunan dan keharmonian adalah hak Islam yang menampilkan ajaran dan agama *rahmah* kepada seluruh alam yang dapat disebarluaskan melalui wacana *fiqh al-ta'āmul*.

Harapan penulis agar makalah ini mampu membuka ruang kesedaran yang lebih luas kepada seluruh warga

---

<sup>53</sup> *Ibid.*

Malaysia untuk memahami kepelbagaian dan kesatuan serta sekaligus menjayakannya secara tulin dan telus melalui pendekatan disiplin *fiqh al-ta’āmul* dalam konteks *fiqh al-ta’āyush* yang lebih beretika dalam menangani beraneka isu dan polemik yang timbul dalam hubungan Muslim-non-Muslim.

Penulisan ini berharap agar perbincangan yang dikemukakan ini dapat diangkat sebagai antara model yang berupaya menyatupadukan masyarakat plural etnik, kepercayaan, budaya, bahasa di Malaysia dan meningkatkan tahap interaksi serta memberi perubahan dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara sehingga menatijahkan kesatuan, keharmonian, perpaduan dan *maḥabbah*.

### Rujukan

- Asyraf Wajdi Dusuki, “Ukhuwah Asas Penyatuan Umat,” laman sesawang Sinar Online, dicapai 15 Disember 2019, <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/ukhuwah-asas-penyatuan-ummah-1.569272>.
- Enizahura Abdul Aziz, “Promoting Religious Interaction”, laman sesawang The Star, dicapai 15 Disember 2019, <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/ikim-views/2019/12/15/promoting-religious-interaction-for-twoandahalf-decades-ikim-has-focused-on-creating-interreligious>.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought, 1988.
- Hamidah. “*Al-Ukhuwah wa al-Ijtimā’iyah wa al-Insāniyyah*: Kajian Terhadap Pluralisme Agama dan Kerjasama Kemanusiaan,” *Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*, 21(2) (2015): 321-341.
- Hasan Hamzah. *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Pyramid Pedomon Malaysia Sdn. Bhd. 1996.

- Al-Hassani, Salim T. S. et al. *1001 Inventions: Muslim Heritage in Our World*. Manchester: Foundation for Science, Technology and Civilisation, 2007.
- Mushin bin Husein. *Membentuk Jama'atul Muslimin*. Jakarta: Gema Insani Press, 1991.
- Ibn al-'Arabī. *Al-Futūḥāt al-Makkiyyah fī Ma'rifah al-Asrār al-Mālikiyyah wa al-Mulkiyyah*, 4 Jilid. Kaherah: 1911.
- Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm li al-Imām al-Khalīl al-Hāfiẓ 'Imād al-Dīn Abi al-Fidā' Ismā'īl al-Dimashqī*. Beirut: Dār al-Ṣādir, 2001.
- Ibn Manẓūr. *Lisān al-'Arab*, J. II. Mesir: al-Maktabah al-Miṣriyyah, 1986.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibah Perspective*. Kuala Lumpur: IIUM Press, 2010.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. "Budaya 'Kenal mengenali' Dalam Pembinaan Ummah Sejagat". Dalam *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, ed. Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Che Zarrina Sa'ari. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. "Panduan Dialog Antara Agama Dalam Disiplin Ilmu Perbandingan Agama di Malaysia Menurut Konteks Fiqh al-Ta'āyush". Dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.
- Al-Ma'any, entri: "takāfala" dicapai 19 September 2019, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>.

- Maḥmūd, 'Alī 'Abd al-Ḥalīm. *Fiqh al-Ukhuwwah fī al-Islām*. t.tp: Dār al-Tawzī' wa al-Naṣr al-Islamiyyah, 1993.
- Mohd Puzhi Usop et al. *Kamus al-Farid*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009.
- Mohd Sani Badron, "Kepelbagaian Dalam Kerangka Kesatuan dan Wasatiyyah Islam". Dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.
- Mohd. Shafiee bin Hamzah et al., "Penerapan Akidah Dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Islam Negara dan Islam Hadhari," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9, (2015): 1-11.
- Muḥammad Idrīs al-Marbawī. *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*, ed. Abdullah al-Qari'. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman, 1998.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjaj. "Ṣaḥīḥ Muslim." Dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Nur Ervannudin dan Jiyanto, "Education: Ta'aruf, Tafahum and Takaful to Child." Makalah, International Conference on Child-Friendly Education, Universitas Muhammadiyah Surakarta, 5 November 2016.
- Al-Qurṭūbī, Abī 'Abdillāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, ed. 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Ḥasan al-Tarkī. Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1967.
- Sayyid Quṭb. *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1972.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 1998.

- Al-Ṭahānawī. *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Vergilius Ferm. *An Encyclopedia of Religion*. New York: The Philosophical Library, 1945.
- Yusuf Ali, Abdullah. *The Holy Qur’an Text, Translation and Commentary*. USA: Amman Corperation 1983.
- Zulkefli bin Aini dan Wan Nurul Anis Wan Ismail, "Pengenalan Kepada Amalan Konsep Fiqh al-Ta`āyusy". Dalam *Rahmah Lil Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, ed. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani dan Zainab Ismail. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Kepelbagaian & Kesatuan Dalam Konteks *Fiqh al-Ta’āyush*,” *Afkār* Vol. 22 Issue 1 (2020): 73-102